


## GARIS PANDUAN KESELAMATAN DI MAKMAL

Terdapat pelbagai jenis makmal di FSK UKM seperti makmal kimia, biologi dan fizik sinaran. Setiap makmal mempunyai peraturan yang khusus, namun beberapa langkah keselamatan umum perlu dipatuhi oleh kakitangan dan juga para pelajar FSK (pengguna) seperti :

1. Pemakaian kot makmal diwajibkan, beserta kasut bertutup semasa di dalam makmal. Kot makmal tidak dibenarkan dipakai sewaktu berada di luar makmal.
2. Makmal merupakan kawasan larangan dan tiada sesiapa pun dibenarkan masuk kecuali mereka yang berkenaan.
3. Sebarang kerja makmal/amali melibatkan mulut (contoh : mempipetkan larutan), adalah dilarang.
4. Pastikan cermin mata keselamatan digunakan, kecuali di makmal-makmal tertentu.
5. Ditegah samasekali untuk makan, minum, merokok dan bersolek di dalam makmal.
6. Jangan menghidu bahan kimia secara terus.
7. Bersih dan kemaskan meja selepas digunakan.
8. Bersihkan peralatan dan tangan sebelum keluar makmal (dengan disinfektan, terutama yang melibatkan organisma patogen).
9. Penduaan kunci makmal TIDAK DIBENARKAN samasekali.
10. Tidak dibenarkan untuk menggunakan makmal sebagai bilik rekreasi.
11. Jangan membuat bising semasa berada di dalam makmal atau koridor berdekatan.
12. JANGAN buang sisa amali ke dalam sinki. Sebaliknya, tuangkan ke dalam bekas khas yang disediakan (mengikut kategori sisa yang telah dikhususkan).
13. Kenalpasti pegawai insiden, kedudukan pintu kecemasan dan alat bantumula kecemasan seperti alat pemadam api, pancuran kecemasan/bilasan mata dan peti pertolongan cemas.
14. Laporkan sebarang kejadian, insiden atau kemalangan dengan segera secara lisan kepada kurator makmal, pegawai insiden, atau pegawai sains (UPKI). Pegawai Insiden hendaklah mengisi dan melengkapkan isian **SPKem atas-talian** dalam masa 7 hari kepada Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP).
15. Sekiranya perlu menghabiskan ujikaji/amali di luar waktu pejabat, perlu melakukan perkara berikut :
  - (i) Mendapat kebenaran Pengurus Pusat atau Ketua Program dengan mengisi **Borang Permohonan Kerja Amali Luar Waktu Pejabat** (rujuk kurator/Pusat Pengajian masing-masing).
  - (ii) Pelajar dikehendaki hadir bersama sekurang-kurangnya seorang rakan sekerja/pelajar sepanjang waktu amali/ujikaji.
  - (iii) Pengguna makmal perlu mendaftar diri di Pos Pengawal Keselamatan.
  - (iv) Kesemua pengguna makmal perlu menggunakan pintu pagar hadapan FSK sahaja.



## **GARIS PANDUAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA**

Beberapa perkara berkaitan keselamatan perlu dititikberatkan oleh setiap kakitangan FSK, agar persekitaran yang selamat dan sejahtera dapat diwujudkan. Seterusnya, pekerja dapat bekerja dengan selesa dan menumpukan perhatian terhadap tugasannya harian. Secara tidak langsung, produktiviti dan hasil kerja berkualiti dapat diketengahkan.

Berikut adalah panduan untuk keselamatan umum di tempat kerja :

16. Berhati-hati semasa mengalih peralatan yang berat (contoh : almari, meja, peralatan dan kotak) supaya tidak mengalami kecederaan ergonomik. Gunakan troli jika perlu dan tatacara yang betul.
17. Berada di kedudukan yang tidak terlalu dekat, sekurang-kurangnya 50 sentimeter dari skrin, atau terlalu lama di depan skrin komputer untuk mengurangkan dedahan sinar ultra lembayung (UV).
18. Pastikan laci kabinet ditutup dengan kemas setiap kali selepas dibuka untuk mengelakkan kecederaan, kecurian atau kebocoran maklumat rahsia.
19. Pastikan semua peralatan pejabat berfungsi dengan baik. Patuhi arahan pengendalian dan penyelenggaraan peralatan oleh pembekal.
20. Laporkan kerosakan perabut atau peralatan kepada pihak yang berkenaan atau bahagian yang bertanggungjawab.
21. Pastikan lorong laluan dalam dan luar pejabat tidak dihalang oleh peralatan, perabut, dawai elektrik dan lain-lain.
22. Pastikan tiada halangan di pintu kecemasan.
23. Kenalpasti kedudukan Alat Pemadam Api dan pastikan ianya mudah dicapai.
24. Mengetahui kedudukan alat pecah kaca penggera sekira berlaku kebakaran.
25. Gunakan tangga untuk mengambil barang dari rak yang tinggi.
26. Berehat sekejap untuk melegakan tekanan atau kepenatan.
27. Elak membawa barang yang menghalang penglihatan (melebihi paras kepala).
28. Bersihkan sebarang tumpahan serta-merta.